

**SEJARAH BUDAYA DAN ADAT ISTIADAT
KEMATIAN SUKU KAUM BAJAU
DI SANDAKAN, SABAH
(1963-2000)**



MOHD SYAM BIN HALIPA

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2022**

**SEJARAH BUDAYA DAN ADAT ISTIADAT
KEMATIAN SUKU KAUM BAJAU
DI SANDAKAN, SABAH
(1963-2000)**

MOHD SYAM BIN HALIPA



**LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH
SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN
KEPUJIAN DALAM BIDANG SEJARAH**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2022**

PENGAKUAN

Saya mengakui bahawa karya penulisan Latihan Ilmiah yang bertajuk Sejarah Budaya dan Adat Istiadat Kematian Suku Kaum Bajau di Sandakan, Sabah (1963-2000) ini merupakan hasil kerja saya sendiri, kecuali petikan, nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

12 OGOS 2022



Mohd Syam Bin Halipa
BA19110866



UMMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **MOHD SYAM BIN HALIPA**

NO. MATRIKS : **BA19110866**

JUDUL : **SEJARAH BUDAYA DAN ADAT ISTIADAT KEMATIAN SUKU KAUM BAJAU DI SANDAKAN, SABAH (1963-2000)**

IJAZAH : **SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN KEPUJIAN**

BIDANG : **SEJARAH**

Saya **MOHD SYAM BIN HALIPA** sesi **2021-2022** mengaku dan membenarkan Latihan Ilmiah ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Latihan Ilmiah ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Latihan Ilmiah ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/) :

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh;



Dr. Ismail Ali

PENYELIA

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim, pertama sekali saya ingin mengucapkan rasa syukur Alhamdulillah ke atas hadrat Ilahi kerana dengan izin dan kurnia-Nya, saya telah dapat menyiapkan penulisan latihan ilmiah ini dengan jayanya. Walaupun, sepanjang tempoh menyiapkan tugas ini penuh dengan cabaran yang begitu besar terutama melibatkan masyarakat pada hari ini yang masih berhati-hati dengan penularan penyakit berjangkit Covid-19, namun berkat pertolongan pihak-pihak penting, saya telah berjaya menyelesaikan tugas yang telah diamanahkan kepada saya sesuai tempoh yang telah ditetapkan.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan juga jutaan terima kasih kepada Profesor Madya. Dr. Ismail bin Ali, selaku penyelia yang telah memberikan tunjuk ajar dan membimbing saya untuk menyiapkan penulisan ilmiah ini. Selain memberikan bimbingan, beliau juga sering memberikan galakan motivasi yang tinggi kepada saya agar tetap semangat untuk meneruskan perjuangan menyiapkan tugas ini dengan jayanya.

Selain itu, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ibu saya iaitu Puan Sitti Ronis binti Ahmad, yang telah banyak memberikan sokongan dari segi emosi, mental dan fizikal saya sepanjang menyelesaikan dan menyiapkan tugas latihan ilmiah. Bukan itu sahaja, beliau juga merupakan penyokong saya yang pertama di atas segala tindakan dan keputusan yang saya lakukan untuk menyelesaikan penulisan latihan ilmiah, jasa beliau tidak akan terbalas.

Sekalung penghargaan juga saya berikan kepada rakan-rakan seperjuangan yang lain khususnya kepada Norhayati binti Daming, yang telah banyak memberikan tunjuk ajar dan berkongsi maklumat serta membantu saya dalam bertukar pendapat dan pandangan selama tempoh menyiapkan tugas penulisan ilmiah ini. Terima kasih kerana sudi menjadi sahabat yang saling mendorong antara satu sama lain bagi terus membuahkan semangat untuk terus tabah dan sabar selama menjayakan penulisan ilmiah ini.

Akhir kata, saya berharap semoga Allah SWT dapat membalas segala jasa dan budi baik semua pihak yang telah membantu saya dalam menyiapkan latihan ilmiah ini tanpa mengira bantuan yang diberikan sama ada secara langsung ataupun tidak langsung.

Mohd Syam Bin Halipa

12 OGOS 2022

ABSTRAK

Tajuk kajian ini memberikan tumpuan terhadap budaya dan tradisi masyarakat suku kaum Bajau yang merupakan salah satu etnik yang terbesar di negeri Sabah iaitu mengkaji Sejarah Budaya dan Adat Istiadat Kematian Suku Kaum Bajau di Sandakan, Sabah dari sekitar tahun 1963 hingga 2000. Perbincangan ini akan memfokuskan kepada budaya dan tradisi masyarakat suku kaum Bajau yang mempunyai keunikan dan perbezaan daripada segi istilah di setiap adat istiadat kematian suku kaum Bajau. Hal ini dikatakan demikian kerana, masyarakat suku kaum Bajau yang sudah menempati dua kawasan pesisir pantai yang berbeza iaitu pantai barat dan pantai timur menyebabkan berlaku sedikit perbezaan istilah, bahasa dan amalan mereka. Namun, pengkaji memfokuskan kepada perbincangan dalam kalangan masyarakat suku kaum Bajau di kawasan pantai timur khususnya di daerah Sandakan yang kurang berlaku penyelidikan sebagai kawasan skop kajian. Kaedah kajian yang digunakan di dalam kajian penyelidikan ini adalah menggunakan kaedah kepustakaan dan kaedah analisis sumber dan kaedah temubual. Bagi mengukuhkan penulisan, hasil dapatan kajian yang diperolehi adalah melalui pemerhatian dan pembacaan sumberi buku, kertas kerja serta tesis kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk kajian. Hasil dapatan kajian akan diterangkan secara terperinci di dalam setiap bab mengikut pembahagian tajuk utama yang bermula daripada bab satu hingga bab kelima. Dapatan kajian, telah membuktikan bahawa masyarakat suku kaum Bajau ini kaya dengan budaya dan tradisi yang begitu unik dan menjadi amalan mereka sehingga ke hari ini.

Kata Kunci: Adat Istiadat, Kematian, Bajau, Sandakan.

ABSTRACT

CULTURAL HISTORY AND DEATH CUSTOMS OF THE BAJAU TRIBE IN SANDAKAN, SABAH (1963-2000)

The title of this study focuses on the culture and traditions of the Bajau tribal community which is one of the largest ethnic groups in the state of Sabah which is to study the Cultural History and Death Customs of the Bajau Tribe in Sandakan, Sabah from around 1963 to 2000. This discussion will focus on the culture and traditions of the Bajau tribal community that have uniqueness and differences in terms of each death customs of the Bajau tribe. This is because the Bajau tribal community that already occupies two different coastal areas, namely the west coast and the east coast, causes slight differences in their terms, language and practices. However, the researcher focused on the discussion among the Bajau tribal community in the east coast area, especially in the Sandakan district where there is less research as an area of the scope of the study. The research method used in this research study is using the library method and the method of source analysis and the interview method. In order to strengthen the writing, the research findings obtained are through observation and reading of book sources, working papers and past research theses related to the research topic. The results of the study will be explained in detail in each chapter according to the division of the main title starting from chapter one to chapter five. The findings of the study have proven that the Bajau tribal community is rich in culture and traditions that are so unique and become their practice until today.

Keywords: *Tradition, Death, Bajau, Sandakan.*

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI PETA	x
SENARAI GAMBAR	xi
SENARAI LAMPIRAN	xii
BAB 1: PENGENALAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	2
1.3 Objektif Kajian	4
1.4 Sorotan Literatur	4
1.5 Kepentingan Kajian	7
1.6 Skop Kajian	8
1.7 Metodologi Kajian	9
1.8 Pembahagian Bab	10
1.9 Kesimpulan	11

BAB 2: LATAR BELAKANG MASYARAKAT SUKU KAUM BAJAU

2.1	Pengenalan	12
2.2	Asal Usul Istilah Bajau	14
2.3	Asal Usul Masyarakat Suku Kaum Bajau	16
2.4	Latar Belakang Sejarah Daerah Sandakan	20
2.5	Masyarakat Suku Kaum Bajau di Daerah Sandakan	25
2.6	Kesimpulan	28

BAB 3: BUDAYA DAN ADAT ISTIADAT SUKU KAUM BAJAU

3.1	Pengenalan	29
3.2	Adat Istiadat Suku Kaum Bajau	30
3.3	Adat Istiadat Kematian Suku Kaum Bajau	32
3.3.1	Adat Berziarah dan Berjaga-jaga	32
3.3.2	Adat <i>Maah Kepataian</i> (Mengkhabarkan Berita Kematian)	34
3.3.3	Adat <i>Melantang</i>	36
3.3.4	Adat Memandikan Jenazah	39
3.3.5	Adat Mengafankan Jenazah	43
3.3.6	Adat Mengusung Jenazah	44
3.3.7	Adat <i>Buka Bumi</i>	46
3.3.8	Adat <i>Payung-Payung</i> dan <i>Panji-Panji</i>	48
3.3.9	Adat Menurunkan Jenazah ke dalam Liang Lahad	51
3.3.10	Adat <i>Pabahakan</i>	55
3.3.11	Adat <i>Nungguan Kubul</i>	59
3.3.12	Adat <i>Mangan Bahangi</i>	61
3.3.13	Adat <i>Patulihan</i> (Menurunkan Tempat Tidur)	63
3.4	Pantang Larang Adat Istiadat Kematian Suku Kaum Bajau	64
3.5	Kesimpulan	68

**BAB 4: PERUBAHAN DAN PERKEMBANGAN ADAT ISTIADAT SUKU KAUM
BAJAU**

4.1	Pengenalan	69
4.2	Pengaruh Agama Islam	69
4.3	Pendidikan	73
4.4	Hubungan Silaturahmi dan Komunikasi Antara Budaya Terjalin dengan Budaya Masyarakat Lain	75
4.5	Kewangan	77
4.6	Pemodenan	78
4.6	Kesimpulan	79

BAB 5: KESIMPULAN 81

RUJUKAN 88

LAMPIRAN 93



SENARAI PETA

Peta 2.4 Peta Bandar Sandakan

Halaman

26



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI GAMBAR

	Halaman
Gambar 3.1 Gendang untuk dipalu semasa berlaku kematian	36
Gambar 3.2 Jenazah si mati <i>dilantang</i>	37
Gambar 3.3 Jenazah si mati <i>dilantang</i>	38
Gambar 3.4 Batang Pisang dijadikan Bahan Memandikan Jenazah	39
Gambar 3.5 Batang Pisang dijadikan Bahan Memandikan Jenazah	40
Gambar 3.6. Jenazah si mati diusungan dan adat <i>pesuhuk</i> dijalankan ahli keluarga	44
Gambar 3.7 Adat <i>buka bumi</i> yang diketuai oleh imam	46
Gambar 3.8 Proses pembuatan <i>payung-payung</i> dijalankan	48
Gambar 3.9 <i>Payung-payung</i> dan <i>Panji-panji</i> didirikan di sebelah kawasan tanah perkuburan	49
Gambar 3.10 <i>Dinding Hali</i> yang digunakan untuk menutup jenazah si mati	51
Gambar 3.11 Pergerakan menuju ke kawasan tanah perkuburan	52
Gambar 3.12 Jenazah si mati diturunkan ke dalam liang lahad	53
Gambar 3.13 Penggunaan kemenyan dalam proses mengebumikan jenazah si mati	53
Gambar 3.14 Adat <i>Pabahakan</i> yang disediakan untuk roh si mati	55
Gambar 3.15 Makanan yang disediakan untuk roh si mati	56
Gambar 3.16. Individu yang ditugaskan untuk menjaga kawasan tanah perkuburan si mati	58

SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran A: Gambar Selepas Sesi Temubual	92
Lampiran B: Senarai Soalan Sesi Temubual	93



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Negeri Sabah amat dikenali dari aspek seni dan budaya mereka yang mempunyai daya tarikan mereka yang tersendiri dan mampu menarik lebih ramai individu atau masyarakat supaya menambah ilmu pengetahuan tentang seni dan budaya yang terdapat di Wilayah Sabah. Dalam kalangan kaum peribumi Sabah, suku kaum Bajau merupakan kumpulan yang berpengaruh dari segi populasi dan politik di Kawasan pesisir pantai dan kepulauan.¹ Selain itu, suku kaum Bajau juga diiktiraf sebagai salah satu penduduk Bumiputera yang kedua terbesar di Sabah, suku kaum Bajau mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri dari segi aspek sosial. Adat istiadat kematian suku kaum Bajau ini merupakan salah satu aspek sosial, pengkaji ingin mengkaji tentang sejarah, budaya dan adat istiadat kematian suku kaum Bajau di Sabah pada tahun 1963 hingga 2000 yang sudah lama diteruskan dari generasi ke generasi, mereka mewarisi adat kematian ini turun-temurun hasil peninggalan daripada nenek moyang mereka dan meneruskan amalan tersebut sehingga kini.

Adat dan budaya ini dilestarikan untuk mengelakkan diri seorang individu atau seluruh ahli keluarganya ditimpa daripada kesengsaraan, disebabkan melanggar dan meninggalkan amalan yang sudah ditinggalkan oleh nenek moyang mereka. Meskipun,

¹ Gusni Saat, *Suku Etnik Bajau*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008, hlm.1.

dalam menempuhi kepesatan dan kemajuan yang dinikmati oleh masyarakat millineal pada masa kini peranan adat istiadat dan tradisi ini masih lagi dianggap sebagai suatu kemestian dan kewajipan untuk dilakukan bagi masyarakat suku kaum Bajau di Sabah.² Hal ini dikatakan demikian kerana, adat kematian suku kaum Bajau ini diteruskan kerana didorong oleh satu sistem yang meyakinkan dan kepercayaan yang kuat diamalkan terhadap adat istiadat kematian sehingga mereka tidak berani melanggar adat tersebut dan terus-menerus mengamalkan adat tersebut agar tidak terkubur dan dibiarkan begitu sahaja.

Maka kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk memahami dan mengetahui berkaitan dengan budaya dan adat istiadat kematian suku kaum Bajau yang begitu unik dan pengkaji akan membincangkan apa yang menyebabkan perubahan dan perkembangan yang berlaku dalam amalan dan tradisi mereka

1.2 Permasalahan Kajian

Dalam kajian ini, sejarah, budaya dan adat istiadat kematian suku kaum Bajau banyak difokuskan dan diutamakan di beberapa kawasan utama seperti di Kota Belud dan Semporna. Nyatanya, dalam penulisan mengenai sejarah, budaya dan adat istiadat suku kaum Bajau ini mereka sangat menjunjung ada tradisi mereka itu sejak dari azali. Oleh hal yang demikian, penulisan kajian ini adalah bertujuan untuk mengetengahkan dan mengembangkan lagi kajian mengenai sejarah, budaya dan adat istiadat suku kaum Bajau di Sandakan. Hal ini dikatakan demikian kerana, penulisan dan kajian mengenai sejarah, budaya dan adat istiadat suku kaum Bajau ini adalah kurang diketengahkan dan dibahaskan malah sejarah dan budaya suku kaum lain seperti kaum Suluk, Sungai dan lain-lain adalah banyak dibahaskan dan dikaji di daerah Sandakan. Walhal, seperti yang

² Syamsul Azizul Marinsah, Mohammad Naqib Hamdan, Mohd Farhan Md Arifin & Mohd Anuar Ramli, *Amalan Tradisi Masyarakat Bajau di Semporna Sabah: Kajian Menurut Hukum Islam*, 2016, hlm. 136.

kita ketahui bahawa penduduk dan masyarakat di Sandakan juga ramai yang terdiri daripada suku kaum Bajau yang sudah lama menetap dan tinggal di daerah ini sejak berpuluh-puluh tahun lagi.

Kebanyakan kajian yang dilakukan hanya difokuskan di daerah Kota Belud, Kota Kinabalu, Semporna, Tuaran dan lain-lain. Maka dengan ini pengkaji ingin memfokuskan kajian kali ini untuk mengkaji sejarah, budaya, dan adat istiadat kematian suku kaum Bajau yang diamalkan di daerah Sandakan. Sekali gus dalam kajian ini juga pengkaji akan mengkaji mengenai perubahan dan perkembangan yang berlaku dalam kalangan masyarakat suku kaum Bajau di Sandakan ini mengenai adat tradisi yang diamalkan oleh kaum Bajau. Kajian ini akan memberikan fokus bermula pada tahun 1963 sehingga 2000 disebabkan pada tahun 1963 ini dapat dilihat banyak rujukan yang menunjukkan mengenai sejarah, budaya dan adat istiadat kematian suku kaum Bajau di daerah Sandakan.

Untuk menjawab permasalahan kajian ini, beberapa persoalan yang ditimbulkan adalah:

- i. Siapakah masyarakat suku kaum Bajau dan dari mana asal usul kedatangan mereka?
- ii. Bagaimanakan budaya dan adat istiadat kematian yang diamalkan oleh masyarakat suku kaum Bajau?
- iii. Apakah perubahan dan perkembangan budaya dan adat istiadat kematian suku kaum Bajau?

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini dilakukan adalah untuk mengetahui mengenai sejarah, budaya, dan adat istiadat kematian suku kaum Bajau termasuk perubahan dan perkembangannya di daerah Sandakan. Dalam kajian ini perkara yang ingin dibincangkan adalah budaya dan adat istiadat suku kaum Bajau di daerah Sandakan dan apakah perubahan yang dialami seiring dengan perkembangan semasa yang berlaku di daerah Sandakan bermula pada tahun 1963 sehingga tahun 2000.

- a) Membincangkan latar belakang masyarakat suku kaum Bajau.
- b) Menjelaskan budaya dan adat istiadat kematian suku kaum Bajau.
- c) Menghuraikan perubahan dan perkembangan budaya dan adat istiadat kematian suku kaum Bajau.

1.4 Sorotan Literatur Kajian

Mengikut kajian, *Warisan Seni dan Budaya: Masyarakat Kepulauan Pesisir Sabah*, karya Ismail Ibrahim, Mohamad Azareen Aminullah, Humin Jusilin, Mohammad Pu'ad Bebit dan Zaimie Sahibil, 2014, masyarakat suku kaum Bajau ini mempunyai pelbagai amalan dan adat istiadat namun pengkaji hanya memfokuskan kepada adat istiadat kematian suku kaum Bajau dengan melalui pembacaan buku tersebut. Dalam buku tersebut, adat istiadat kematian suku kaum Bajau diterangkan dan dihuraikan secara terperinci dengan sejarah awal kedatangan suku kaum Bajau ke Sabah.³ Kemudian, bagaimana masyarakat suku kaum Bajau ini mula menjalankan aktiviti dan amalan tradisi mereka di Sabah. Penulis buku tersebut menerangkan bagaimana proses-proses ritual yang

³ Ismail Ibrahim, Mohamad Azareen Aminullah, Humin Jusilin, Mohammad Pu'ad Bebit & Zaimie Sahibil, *Warisan Seni dan Budaya: Masyarakat Kepulauan Pesisir Sabah*, Penerbit Universiti Malaysia Sabah, 2014, hlm, 21.

dijalankan oleh masyarakat suku kaum Bajau sebelum, semasa dan selepas adat istiadat kematian suku kaum Bajau di Sabah.

Seterusnya, siri etnik Sabah ITBM-UMS: Bajau Pantai Timur, karya Md.Saffie Abd.Rahim, Sabihah Osman, Ramzah Dambul, 2012. Buku tersebut memfokuskan kepada skop penulisan sosioekonomi bagi masyarakat suku kaum Bajau di Sabah, penulisan dalam buku ini adalah untuk membantu dalam memahami dan mengkaji gaya hidup dan tatacara kehidupan suku kaum yang terdapat di Sabah.⁴ Oleh itu, buku ini memfokuskan kepada suku kaum Bajau yang menjadi salah satu etnik bumiputera yang terbesar di Sabah, suku kaum Bajau juga terbahagi kepada dua iaitu suku kaum Bajau di bahagian pantai timur dan bahagian pantai barat. Maka dalam penulisan ini ianya hanya akan memfokuskan kepada bahagian pantai timur sahaja berbanding untuk mengurangkan kekeliruan terhadap kedua-dua bahagian suku kaum Bajau.

Selain itu, kajian Nur Basiah binti Ismail, Sharifuddin Zainal dan Sim Chee Cheang iaitu Upacara Adat Kematian *Magputurun Roh Arwah Ma Bahagi Pitu'* Tinjauan Awal Terhadap Elemen Teaterikal Teater terbitan *Gendang Alam, Jilid 7*, pada tahun 2017 ini adalah memfokuskan kepada perkembangan yang berlaku dalam adat istiadat kematian suku kaum Bajau di Sabah. Dalam penulisan jurnal ini ritual *Magputurun Roh Arwah* dan *Ma Bahagi Pitu'* ini adalah sebahagian ritual semasa berlakunya kematian dalam sesebuah keluarga si mati.⁵ Pelaksanaan ritual ini memakan masa bukan sahaja dalam tempoh tujuh hari malahan boleh mencecah sehingga ke-40 hingga ke-100 hari. Maka

⁴ Md.Saffie Abd.Rahim, Sabihah Osman & Ramzah Dambul, *Siri Etnik Sabah ITBM-UMS: Bajau Pantai Timur*, Kuala Lumpur: Institusi Terjemahan & Buku Malaysia, 2012, hlm, 17.

⁵ Nur Basih binti Ismail, Sharifuddin Zainal & Sim Chee Cheang, Upacara Adat Kematian *Magputurun Roh Arwah Ma Bahagi Pitu'* Tinjauan Awal Terhadap Elemen Teaterikal Teater, *Gendang Alam, Jilid 7*, 2017, hlm, 101-110.

penulis memfokuskan kepada pelaksanaan ritual ini dapat diaplikasikan dalam sebuah teater untuk didedahkan kepada masyarakat awam.

Dalam penulisan karya Rozaliah Mokhtar, *Adat Kematian dalam Kalangan Kumpulan Etnik Bajau Laut di Kampung Bangau-Bangau, Semporna, Sabah* ini memfokuskan kepada bagaimana adat istiadat kematian suku kaum Bajau ini mengalami perubahan dan pengamalan adat kematian sebelum, semasa dan selepas. Hal ini dikatakan demikian kerana, perubahan ini berlaku disebabkan perubahan masa yang semakin menuju ke arah generasi millennial maka banyak perubahan yang mempengaruhi dalam pelaksanaan ritual dan adat istiadat kematian suku kaum Bajau di Sabah.⁶ Oleh hal yang demikian, kajian ini jelas menunjukkan bahawa ritual dan adat kematian suku kaum Bajau ini mempunyai peringkat yang begitu berbeza di setiap peringkat kerana pelaksanaan untuk menghargai si mati itu memerlukan pengorbanan dan tenaga yang begitu banyak.

Adat dan Kepercayaan dalam Ritual Kematian Masyarakat Bajau, karya Nordiana binti Mosun dan Mohd Yuszaidy bin Mohd Yusoff terbitan *Jurnal Wacana Sejarah* pada tahun 2017, memfokuskan kajian ini mengenai adat kematian dan ritual yang dipegang dan diamalkan sehingga ke hari ini oleh masyarakat suku kaum Bajau yang sudah menjadi sebahagian kehidupan mereka dan sehati sehingga ianya menjadi harga diri bagi masyarakat suku kaum Bajau.⁷ Hal ini dikatakan demikian kerana, walaupun masyarakat suku kaum Bajau ini mengalami perubahan namun untuk meninggalkan amalan dan adat mereka ini boleh menyebabkan dipandang hina oleh sesetengah masyarakat suku kaum Bajau. Oleh itu, pelaksanaan adat dan kepercayaan mereka ini

⁶ Rozaliah Mokhtar, *Adat Kematian dalam Kalangan Kumpulan Etnik Bajau Laut di Kampung Bangau-Bangau, Semporna, Sabah*, *Jurnal Kinabalu* Bil. 26(2), 2020, hlm, 277-293.

⁷ Nordiana binti Mosun & Mohd Yuszaidy bin Mohd Yusoff. *Adat dan Kepercayaan dalam Ritual Kematian Masyarakat Bajau*. *Jurnal Wacana Sarjana*, Jilid1(1), 2017, hlm, 1-18.

harus diteruskan dan diamlkan oleh generasi yang akan datang walaupun pelaksanaan adat istiadat kematian ini sedikit bertentangan dengan ajaran agama Islam yang sebenar namun tetap diteruskan kerana ini adalah tinggal nenek moyang mereka.

Dalam penulisan Syamsul Azizul Marinsah, Abdul Qayyum Aminuddin dan Mohd Anuar Ramli, iaitu *Manhaj Wasatiyyah dalam Menangani Fenomena Sinkretisme dalam 'Urf dan Adat Masyarakat Bajau: Kajian di Daerah Semporna Sabah*. Penulisan beliau ini memfokuskan kepada pengamalan dan ritual yang dijalankan dalam adat istiadat kematian suku kaum Bajau ini sama ada bertentangan dengan ajaran agama Islam yang sebenar atau dicampuradukkan.⁸ Hal ini dikatakan demikian kerana, ada dua kelompok yang cuba berusaha menerangkan ajaran Islam yang sebenar dan satu lagi kelompok yang hanya meneruskan dan menerima sinkretisme dalam amalan dan adat istiadat kematian suku kaum Bajau di Sabah. Oleh itu, penulisan kajian ini menunjukkan bahawa pengaruh agama Islam ini juga menjadi faktor kepada perubahan dan percampuradukan terhadap adat istiadat kematian suku kaum Bajau di Sabah.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian dan penulisan mengenai sejarah, budaya, dan adat istiadat kematian suku kaum Bajau di daerah Sandakan tidak begitu ketara dan kurang berbanding di beberapa kawasan daerah yang lain. Oleh hal yang demikian, pengkaji melakukan kajian ini untuk menjelaskan dan membincangkan lagi mengenai sejarah, budaya, adat istiadat kematian suku kaum Bajau di daerah Sandakan. Masyarakat suku kaum Bajau ini mempunyai cara kehidupan dan amalan mereka yang tersendiri namun disebabkan arus modenisasi yang berlaku telah membawa kepada beberapa kemungkinan sebahagian cara kehidupan dan

⁸ Syamsul Azizul Marinsah, Abdul Qayyum Aminuddin & Mohd Anuar Ramli, *Manhaj Wasatiyyah dalam Menangani Fenomena Sinkretisme dalam 'Urf dan Adat Masyarakat Bajau: Kajian di Daerah Semporna Sabah. Prosiding Seminar Fiqh Semasa (SeFis)*, 2015, hlm, 281.

amalan mereka ini mempunyai perubahan dan tidak lagi dipraktikkan atas sebab-sebab tertentu dan beberapa faktor. Keadaan ini menunjukkan bahawa kajian yang lebih terperinci perlu dilakukan bagi mengenal pasti permasalahan dan memberikan maklumat yang penting dan bernilai untuk bahan bacaan dan rujukan kepada generasi yang akan datang.

1.6 Skop Kajian

Penyelidikan kajian ini akan meliputi skop masa yang bermula pada tahun 1963 sehingga pada tahun 2000. Pada tahun 1963 pengkaji menandakan tahun tersebut sebagai titik permulaan disebabkan ia adalah titik permulaan kepada kewujudan dan penempatan masyarakat suku kaum Bajau di Sandakan semakin berkembang dengan pesat. Kajian ini menetap sempadan pada tahun 2000 untuk membolehkan pengkaji mengenal pasti dan mengkaji apakah perubahan dan perkembangan yang berlaku terhadap budaya dan tradisi masyarakat suku kaum Bajau di Sandakan. Walau bagaimanapun, pengkaji tidak akan terhad untuk membincangkan dalam tempoh masa tersebut dan akan membincangkan secara meluas mengenai masyarakat suku kaum Bajau disebabkan budaya dan tradisi mereka yang begitu unik menyebabkan ia satu kemestian bagi pengkaji untuk mengkaji dengan lebih tepat.

Kajian ini dilakukan dan dijalankan di daerah Sandakan yang akan memfokuskan kepada majoriti masyarakat suku kaum Bajau di daerah Sandakan. Selain itu, pengkaji akan membincangkan budaya dan tradisi masyarakat suku kaum Bajau yang diamalkan oleh mereka sehingga ke hari ini dan akan membincangkan mengenai perubahan dan perkembangan yang berlaku dalam budaya dan tradisi mereka.

1.7 Metodologi Kajian

Dalam menyempurnakan penyelidikan ini, pengkaji akan menjalankan beberapa kaedah kajian yang lebih sesuai digunakan. Kaedah yang pertama adalah menggunakan kaedah kepustakaan yang merangkumi bahan penyelidikan arkib dan penyelidikan di beberapa perpustakaan lain. Penggunaan sumber-sumber primer adalah diutamakan dalam penulisan ini dan diteliti oleh pengkaji agar dapat membantu dalam menghasilkan sebuah penyelidikan yang berobjektif dan mengurangkan unsur bias dalam sebuah penulisan. Bukan itu sahaja, melalui kaedah temubual juga akan dijalankan oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat mengenai amalan dan budaya tradisi masyarakat suku kaum Bajau untuk memberikan perspektif ilmiah yang berbeza.

Kaedah kajian dan penyelidikan yang digunakan bagi menyiapkan dan menyelesaikan penulisan kajian ini dengan menggunakan disiplin sejarah sebagai asas penyelidikan. Oleh itu, dalam membuat latihan dan penulisan ilmiah ini perlu dihasilkan dengan menggunakan sumber sekunder dan primer.

- a) Penulisan ini akan menggunakan sumber primer yang berbentuk fail, laporan daripada arkib, dan beberapa organisasi yang berkaitan.
- b) Pengkaji menggunakan sumber-sumber primer dan sekunder untuk mendapatkan maklumat, serta sumber buku-buku atas talian, artikel, jurnal, kertas kerja, laporan-laporan atas talian yang boleh diakses serta Perpustakaan Sandakan, Kota Kinabalu dan Universiti Malaysia Sabah.
- c) Kaedah temubual dijalankan di kawasan lokasi kajian ini dijalankan untuk memberikan nafas baharu kepada penyelidikan ilmiah.

1.8 Pembahagian Kajian

Dari segi penstrukturan kajian, penulisan ilmiah ini akan dibahagikan kepada lima bab yang utama untuk mencapai objektif kajian yang ditetapkan.

Bab pertama merupakan pengenalan kepada kajian yang akan dibuat. Selain itu, akan membincangkan tentang permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, sorotan literatur, metodologi yang akan digunakan, skop kajian dan pembahagian bab. Bab satu merupakan sebuah panduan untuk menghasilkan sebuah penulisan yang baik untuk keseluruhan kajian ini.

Bab kedua akan membincangkan latar belakang masyarakat suku kaum Bajau secara umum, asal usul istilah Bajau, latar belakang daerah Sandakan, masyarakat suku kaum Bajau di daerah Sandakan. Ia bertujuan untuk mengetahui mengenai masyarakat suku kaum Bajau yang mempunyai kepelbagaian dalam budaya dan tradisi mereka serta kedatangan mereka ke Borneo yakni dikenali sebagai negeri Sabah.

Bab ketiga pula akan membincangkan mengenai budaya dan adat istiadat kematian suku kaum Bajau di daerah Sandakan. Dalam bab ini akan memfokuskan kepada jenis budaya dan tradisi masyarakat suku kaum Bajau yang lebih signifikan menjadi pilihan pengkaji iaitu adat istiadat kematian mereka akan dibincangkan secara terperinci bermula dari proses sebelum, semasa dan selepas serta pantang larang.

Bab keempat akan membincangkan perubahan dan perkembangan yang dialami oleh masyarakat suku kaum Bajau di daerah Sandakan. Dalam bab ini pengkaji akan mengambil pelbagai aspek untuk mengira perubahan dan perkembangan yang berlaku di dalam adat istiadat kematian masyarakat suku kaum Bajau.

Bab kelima akan menjelaskan analisis dan kesimpulan kepada penyelidikan ini.

1.9 Kesimpulan

Setiap suku kaum yang ada di negara kita, mahupun di negeri Sabah ini mempunyai adat tradisi yang unik dan pelbagai. Hal ini dikatakan demikian kerana, adat tradisi ini merupakan cerminan atau identiti setipa etnik atau bangsa. Bagi masyarakat suku kaum Bajau ini, mereka dikenali dengan sebagai masyarakat yang menjaga dan memelihara adat istiadat mereka yang diturunkan dan diamalkan dari generasi ke generasi baharu yang dibawa dari tanah air mereka meskipun berhijrah dan menetap di satu kawasan baharu tersebut. Namun demikian, sejarah, budaya dan adat istiadat suku kaum Bajau ini adakan mudah lesap dan hilang jika generasi muda yang dianggap sebagai millennial ini tidak mengamalkan adat istiadat yang diamalkan oleh suku kaum Bajau itu sendiri. Oleh itu, kajian ini perlu dilakukan bagi mengetahui kemungkinan berlaku perubahan dan perkembangan dalam menjalankan atau mengamalkan adat istiadat di zaman modenisasi ini. Kajian ini dilakukan oleh pengkaji kerana melihat bahawa sejarah, budaya dan adat istiadat kematian suku kaum Bajau terutama di daerah Sandakan ini kurang didedahkan dan ketengahkan kepada masyarakat dan ianya memerlukan jawapan daripada masyarakat suku kaum Bajau di daerah Sandakan itu sendiri. Kajian ini juga mempunyai lima bab yang akan dibincangkan berdasarkan tajuk dan juga permasalahan kajian.